



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN KENA
DIBAYAR OLEH
INDIVIDU BERMASTAUTIN**

**TAMBAHAN KEDUA KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 2/2005**

TARIKH KELUARAN: 3 JANUARI 2008



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN
KENA DIBAYAR OLEH
INDIVIDU BERMASTAUTIN**

**Tambahan Kedua kepada
Ketetapan Umum No. 2/2005
Tarikh keluaran: 3 Januari 2008**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN KENA DIBAYAR
OLEH INDIVIDU BERMASTAUTIN
TAMBAHAN KEDUA KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 2/2005**

1. Tambahan ini memberi penjelasan berkenaan perubahan layanan cukai ke atas potongan yang boleh dituntut oleh individu bermastautin berhubung dengan perkara berikut:-
 - a. yuran pendidikan lanjutan - perenggan 46(1)(f), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967
(berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006)
 - b. perbelanjaan bahan bacaan - perenggan 46(1)(i), ACP 1967
(berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007)
 - c. pembelian komputer peribadi - perenggan 46(1)(j), ACP 1967
(berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007)
 - d. anak - subseksyen 48(3), ACP1967
(berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006)
2. **Potongan untuk yuran pendidikan lanjutan - perenggan 46(1)(f), ACP 1967**
 - 2.1 Sebelum tahun taksiran 2006, individu bermastautin layak menuntut potongan sehingga RM5,000 ke atas yuran yang dibelanjakan bagi mengikuti kursus pengajian terpilih sehingga ke peringkat lepasan Ijazah di institusi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan. Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006, kursus pengajian tersebut boleh juga diikuti di badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Menteri Kewangan.
 - 2.2 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006, skop kursus yang layak untuk potongan diperluaskan kepada kursus profesional sehingga ke peringkat lepasan Ijazah dalam bidang perakaunan dan undang-undang. Kursus profesional tersebut boleh diikuti di institusi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau di badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Menteri Kewangan.
 - 2.3 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007, skop kursus yang layak untuk potongan diperluaskan lagi kepada kursus dalam bidang kewangan Islam yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti. Kursus dalam bidang kewangan Islam tersebut boleh diikuti di mana-mana institusi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau di badan profesional di

Malaysia yang diiktiraf oleh Menteri Kewangan, termasuk di *International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)*.

2.4 Senarai institusi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Menteri Kewangan untuk tujuan potongan ini, boleh didapati di laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dari semasa ke semasa.

**3. Potongan untuk perbelanjaan bahan bacaan - perenggan 46(1)(i),
ACP 1967**

Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007, amaun maksima potongan bagi perbelanjaan bahan bacaan dinaikkan daripada RM700 kepada RM1,000.

**4. Potongan untuk pembelian komputer peribadi - perenggan 46(1)(j),
ACP 1967**

4.1 Sebelum tahun taksiran 2007, individu bermastautin layak menuntut rebat sebanyak RM500 bagi pembelian komputer peribadi bukan untuk perniagaan. Rebate diberi dalam mengira cukai kena dibayar seperti diperuntukkan di bawah subseksyen 6A(3A), ACP 1967. Rebate tersebut diberi berasaskan satu keluarga dan diberi hanya sekali bagi setiap lima tahun taksiran.

4.2 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007, pelepasan bagi pembelian komputer peribadi bukan untuk perniagaan tidak lagi diberi dalam bentuk rebat. Rebate digantikan dengan potongan di dalam mengira pendapatan bercukai. Amaun potongan yang diberi adalah terhadap kepada maksima RM3,000 bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh individu atas pembelian komputer peribadi bukan untuk perniagaan dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran. Potongan diberi berasaskan individu bagi setiap tiga tahun taksiran dan hendaklah dibuktikan dengan resit pembelian.

Contoh 1

Amran membeli komputer peribadi untuk kegunaan sendiri dengan harga RM5,000 pada 01.02.2007. Beliau kemudian membeli *laptop* berharga RM8,000 pada 02.02.2008.

Amran layak menuntut potongan RM3,000 bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembelian komputer peribadi untuk tahun taksiran 2007. Walau bagaimanapun, beliau tidak layak lagi menuntut potongan sehingga tahun taksiran 2010.

Contoh 2

Ahmad membeli komputer peribadi untuk kegunaan sendiri berharga RM5,000 pada 01.01.2006. Kemudian pada 01.11.2007, beliau membeli pula *laptop* berharga RM8,000.

Ahmad layak menuntut rebat sebanyak RM500 ke atas pembelian komputer peribadi untuk tahun taksiran 2006 di bawah subseksyen 6A(3A), ACP 1967. Beliau juga layak mendapat potongan sejumlah RM3,000 bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembelian laptop untuk tahun taksiran 2007 di bawah perenggan 46(1)(j), ACP 1967.

- 4.3 Di mana komputer dibeli secara sewa-beli, potongan ke atas kos penuh komputer sehingga amaun maksima RM3,000 boleh dituntut dalam tahun taksiran di mana komputer tersebut dibeli.

Contoh 3

Tara membeli komputer peribadi untuk kegunaan sendiri secara sewa-beli pada 01.08.2007. Kos komputer tersebut berjumlah RM6,000. Berdasarkan kepada syarat perjanjian sewa-beli, beliau perlu membayar ansuran bulanan sebanyak RM500 untuk tempoh selama dua belas (12) bulan bermula daripada 01.08.2007 dan tamat pada 01.07.2008. Dalam tahun 2007, beliau telah membayar ansuran bulanan sejumlah RM2,500 bagi pembelian komputer tersebut.

Tara layak menuntut potongan maksima RM3,000 bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembelian komputer peribadi untuk tahun taksiran 2007. Potongan maksima RM3,000 boleh dituntut dalam tahun komputer itu dibeli walaupun amaun yang dibelanjakan dalam tahun 2007 adalah hanya RM2,500.

- 4.4 Dalam kes taksiran berasingan, suami dan isteri masing-masing layak menuntut amaun potongan terhad kepada maksima RM3,000 sekali setiap tiga tahun taksiran untuk perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembelian komputer peribadi.

Contoh 4

Jasmi membeli komputer peribadi untuk kegunaan sendiri berharga RM3,500 pada 15.05.2007. Isteri beliau membeli komputer peribadi untuk

kegunaan sendiri berharga RM5,000 pada 01.06.2007. Jasmi dan isteri ditaksir secara berasingan atas pendapatan mereka bagi tahun taksiran 2007.

Jasmi dan isteri layak menuntut potongan maksima RM3,000 masing-masing untuk perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembelian komputer peribadi bagi tahun taksiran 2007.

- 4.5 Apabila terdapat pengagregatan jumlah pendapatan di bawah subseksyen 45(2), ACP 1967 potongan maksima bagi perbelanjaan membeli komputer peribadi adalah terhad kepada RM3,000 sekali bagi setiap tiga tahun taksiran. Perbelanjaan membeli komputer adalah dianggap dibelanjakan oleh sama ada suami atau isteri mengikut atas nama siapa taksiran dibuat, seperti diperuntukkan di bawah subseksyen 46(3), ACP 1967.

Contoh 5

Aisyah membeli komputer peribadi untuk kegunaan sendiri berharga RM2,500 dan suami beliau membeli *laptop* untuk kegunaan sendiri berharga RM2,500 pada 02.01.2007. Aisyah memilih pendapatannya diagregatkan bersama suami untuk tahun taksiran 2007.

Jumlah RM2,500 yang dibelanjakan oleh Aisyah dianggap dibelanjakan oleh suami di bawah peruntukan subseksyen 46(3), ACP 1967. Dengan itu, suami beliau layak menuntut potongan maksima RM3,000 bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas kedua-dua pembelian komputer dan laptop bagi tahun taksiran 2007.

5. Potongan untuk anak - subseksyen 48(3), ACP 1967

- 5.1 Sebelum tahun taksiran 2006, individu bermastautin layak menuntut pelepasan anak seperti berikut:-
- (i) jumlah sebenar yang dibelanjakan bagi anak belum berkahwin, berumur melebihi lapan belas tahun yang mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa **di Malaysia** di universiti, kolej atau institusi pengajian lain yang serupa dengannya atau berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperolehi kelayakan perdagangan atau profesion. Potongan adalah terhad kepada maksima empat kali ganda potongan biasa untuk anak iaitu RM4,000 (RM1,000 x 4).
 - (ii) RM1,000 bagi anak belum berkahwin, berumur melebihi lapan belas tahun yang mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa **di luar**

Malaysia di universiti, kolej atau institusi pengajian lain yang serupa dengannya atau berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperolehi kelayakan perdagangan atau profesion.

5.2 Mulai tahun taksiran 2006 individu bermastautin layak menuntut pelepasan anak seperti berikut:-

- (i) potongan empat kali pelepasan anak iaitu RM4,000 diberi secara automatik bagi anak belum berkahwin, berumur melebihi lapan belas tahun yang mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa **di Malaysia** di universiti, kolej atau institusi pelajaran lain yang serupa dengannya atau berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperolehi kelayakan perdagangan atau profesion. Walau bagaimanapun, seorang individu tidak layak mendapat potongan tersebut sekiranya anaknya hanya mengikuti kursus matrikulasi atau pra-ijazah.
- (ii) potongan empat kali pelepasan anak iaitu RM4,000 adalah diperluaskan kepada anak belum berkahwin berumur melebihi lapan belas tahun yang mengikuti pengajian di **luar Malaysia**. Kursus dan pengajian hendaklah di peringkat ijazah (termasuk ijazah di peringkat sarjana atau kedoktoran) atau yang setaraf dengannya.

Individu bermastautin hanya layak mendapat potongan tersebut jika anaknya mengikuti pengajian dalam kursus-kursus dan institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Pengajian dan institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan boleh diperolehi daripada laman web Jabatan Perkhidmatan Awam (www.jpa.gov.my).

5.3 Begitu juga, potongan tambahan ini terpakai kepada anak kurang upaya belum berkahwin yang mengikuti kursus pengajian tinggi sepenuh masa di dalam atau luar Malaysia. Potongan ini adalah tambahan kepada pelepasan sedia ada bagi anak kurang upaya sebanyak RM5,000.

6. Tambahan Kedua ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 2/2005.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**